

Strategi Penggunaan Bahasa dalam Penulisan Rencana Ilmiah

Strategies of Language Use in Writing Scientific Articles

Che Hazira Che Roza

Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Malaysia

Hanita Hassan*

Language Academy, Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM
Johor Bahru, Johor, Malaysia

Submitted: 23/11/2020. Revised edition: 29/11/2020. Accepted: 29/11/2020. Published online: 30/12/2020

ABSTRAK

Rencana merupakan sebuah artikel atau makalah yang menghuraikan sesuatu perkara berdasarkan tajuk utama yang dibincangkan oleh penulis. Rencana sering dikaitkan dengan media yang secara tidak langsung mempunyai perkaitan dengan masyarakat yang disatukan dengan sebuah Bahasa sebagai alat komunikasi. Oleh sebab itu, strategi yang berkesan perlu digunakan oleh para penulis rencana bagi memastikan proses penyampaian maklumat dan idea kepada pembaca dapat berlangsung dengan lancar. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti dan membincangkan keberkesanan penggunaan bahasa penulisan rencana dalam akhbar Berita Harian dengan menggunakan ciri penulisan kewartawanan oleh Waterhouse (1989). Hasil kajian mendapati bahawa tidak kesemua rencana yang dikaji menepati ciri-ciri penulisan kewartawanan oleh Waterhouse, iaitu penggunaan kata tidak lazim, penerangan berlebihan, kesalahan ejaan, dan penggunaan istilah jargon. Para penulis dilihat sangat mementingkan gaya penulisan mereka dan juga memfokuskan bidang kemahiran mereka ketika menghasilkan rencana agar penulisan tersebut menjadi satu identiti mereka malah setiap pandangan mereka menjadi satu ilmu yang berguna untuk masyarakat. Malahan, keberkesanan penggunaan bahasa dalam rencana sangat bergantung kepada cara penulis mengolah idea yang dibangkitkan dan penerimaan masyarakat juga menjadi penanda kepada keberkesanan bahasa yang digunakan oleh penulis.

Kata kunci: Rencana, bahasa, ciri penulisan kewartawanan

ABSTRACT

The functions of scientific articles in newspapers are to describe or to discuss certain scientific issues by the respective experts. Scientific articles, published in the media, are commonly for public reading and the media indirectly act as a communication tool between the experts and society. Hence, effective strategies of language use are pivotal to ensure the messages are delivered successfully. This study aimed to analyse the language use by experts in writing scientific articles to be published in the mainstream newspapers, using the language features of journalism writing by Waterhouse (1989). The findings show that not all scientific articles, published in the mainstream newspapers, met the criteria proposed by Waterhouse. It is apparent that writers are prone to use unfamiliar words or jargons in their articles. In addition, some words or terms are overly described and spelling errors are also found in the articles. Interestingly, from the analysis, it can be construed that writers are careful

*Correspondence to: Hanita Hassan (email: m-hanita@utm.my)

with their writing styles and focus on the contents as a means to connote their credibility. It is important to note that the efficacy of language use in scientific articles highly depends on the writing styles and the reader acceptance of the issues discussed.

Keywords: Articles, language, features of journalism writing

PENDAHULUAN

Akhbar menggunakan bahasa untuk mengungkapkan sesuatu maklumat atau idea kepada masyarakat. Keupayaan penulis dalam memanipulasikan bahasa dengan sebaik mungkin akan menghasilkan penulisan yang berupaya memberi impak positif yang secara tidak langsung dapat mempengaruhi pembaca. Arba'ie Sujud (2010) dalam artikelnya, iaitu *Perpaduan masyarakat dalam genre sastera dari perspektif sosiostilistik* telah menjelaskan bahawa bahasa mempunyai kuasa kata, iaitu bahasa mempunyai keupayaan dalam membentuk nilai estetik yang tersendiri kepada pembaca. Oleh hal yang demikian, penulisan yang baik dan berkesan haruslah mempunyai unsur kebahasaan yang jelas, padat, tepat, menarik dan mudah difahami oleh pembaca. Umum mengetahui bahawa, penulisan kewartawanan dalam akhbar adalah pelbagai yang terdiri daripada penulisan berbentuk wawancara, penulisan berita, ulasan, laporan dan rencana. Setiap penulisan kewartawanan ini mempunyai fungsinya yang tersendiri dan gaya penulisannya juga berbeza antara satu sama lain.

Penulisan rencana dalam akhbar adalah terbatas penulisannya berbanding dengan penulisan berita yang dilihat lebih dominan, tetapi penulisan rencana mempunyai fungsinya yang tersendiri bagi mengembangkan sesuatu berita. Penulisan rencana merujuk kepada berita atau kisah yang disusun secara deskriptif dengan menulis kata-kata emosi yang kompleks sehingga timbul rasa kagum, takjub, hairan, geli, terharu, hiba, senang dan perasaan yang lain-lain dalam diri pembaca (Faridah Ibrahim *et al.*, 2016). Penulisan rencana dalam akhbar akan lebih tertumpu kepada perbincangan yang lebih menyeluruh dan berpengaruh mweangkumi pelbagai bidang seperti kesihatan, pendidikan, ekonomi, politik, agama, dan sosial. Rencana dalam akhbar Berita Harian (BH) mempunyai sisipannya yang tersendiri dengan memperkenalkan sisipan rencana yang dipecahkan kepada beberapa bahagian, iaitu kolumnis, komentar, agama, sastera, minda pembaca, dan lain-lain. Oleh itu, penggunaan bahasa yang jelas dan mudah difahami dalam penulisan rencana akhbar Berita Harian akan menentukan sejauh manakah kelancaran kandungan rencana tersebut bagi menyampaikan maklumat dengan baik atau sebaliknya kepada khalayak.

Namun begitu, salah satu permasalahan penggunaan bahasa yang sering berlaku dalam penulisan kewartawanan akhbar, termasuklah penulisan rencana adalah berkaitan dengan kesalahan dan kesilapan berbahasa. Menurut Azean Idruwani Idrus dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2011) dalam artikel bertajuk *Analisis Kesilapan dalam Laporan Media: Morfologi dan Sintaksis* menyatakan bahawa tidak kesemua penulisan dalam surat khabar memenuhi kehendak rumus tatabahasa Melayu malah masih mempunyai kesilapan dan juga kesalahan berbahasa dalam penulisan kewartawanan

yang dihasilkan. Dalam pada itu, Illias Zaidi (2010) berkata bahawa masalah ini juga secara tidak langsung telah memusnahkan nilai kegramatisan dalam bahasa Melayu walaupun pihak media cuba untuk mempertahankan laras bahasa dalam laporannya.

Menurut Mior Kamarul Shahid (2015) dan Jeniri Amir (2005) dalam artikel yang bertajuk *Bahasa: Sejauh manakah Media Peduli?* telah berpendapat bahawa kekerapan kesalahan berbahasa yang dilakukan dalam media massa yang disiarkan secara berterusan kepada khalayak akan menyebabkan pembaca menerimanya sebagai sesuatu kebiasaan. Manakala Sharil Nizam Shari (2010) dalam bukunya *Aplikasi Teori Dan Format Penyuntingan Bahan Linear Dalam Surat Khabar Bahasa Melayu* pula menyatakan bahawa penulisan kewartawanan termasuklah rencana didapati berlakunya pembaziran bahasa, khususnya dalam aspek tatabahasa, leksikal dan ortografi. Hal ini secara tidak langsung telah menyebabkan berlakunya kelewahan bahasa dalam penulisan kewartawanan yang turut mengundang kepada kekaburan dan kekeliruan makna kepada pembaca.

Objektif kajian bagi kajian yang dijalankan ini adalah untuk mengenal pasti aspek penggunaan bahasa dalam rencana akhbar Berita Harian (BH) dan seterusnya menjelaskan strategi keberkesanan penggunaan bahasa dalam rencana yang dikaji. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk meneliti strategi penggunaan bahasa dalam penulisan rencana dalam akhbar amat penting bagi memastikan pembaca dapat memahami kandungan rencana yang diterangkan dengan baik yang secara tidak langsung dapat mempengaruhi tingkah laku pembaca.

SOROTAN KAJIAN

Kajian ini telah meninjau beberapa kajian lepas yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji lain. Kajian lepas yang ditinjau adalah kajian yang memfokuskan tentang penggunaan bahasa dan medium akhbar.

Antara kajian lepas yang ditinjau ialah artikel yang dilakukan oleh Sharil Nizam Sha'ri dan Mohd Hazreen Shah Hassan yang bertajuk *Bahasa dan berita akhbar Tribun Putra dalam perkongsian maklumat warga kampus di Universiti Putra Malaysia*. Artikel ini telah diterbitkan pada tahun 2016 dalam Jurnal Persidangan Antarabangsa Sains Sosial Dan Kemanusiaan oleh Kolej Universiti Islam Selangor (KUIM) yang membincangkan tentang peranan akhbar yang berupaya mencambah pengetahuan dan mempertingkatkan kematangan pembacanya, termasuklah akhbar kampus. Hasil tinjauan terhadap kajian ini mendapati bahawa bahasa yang digunakan di dalam penulisan berita kampus bersifat mudah untuk difahami dalam memaparkan berita berkaitan dengan peristiwa di kampus, program-program anjuran universiti, kejayaan para pelajar dan staf Universiti Putra Malaysia (UPM), malah kandungan beritanya pula mampu merangsang minda pelajar dan staf UPM. Kekuatan kajian ini dapat dilihat apabila pengkaji ini menampilkan perbandingan penggunaan bahasa dalam akhbar kampus dengan akhbar Melayu yang lain.

Selain itu, kajian ini turut meninjau artikel yang dilakukan oleh Kartini Abd. Wahab dan Zulkifley Hamid (2015) yang bertajuk *Hambatan memahami bahasa: satu penelitian ke atas teks berita dalam talian berbahasa Indonesia, Tempo.Co.* yang diterbitkan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia. Artikel ini membincangkan tentang komunikasi sama ada dalam konteks lisan mahupun tulisan yang

sering kali berlaku hambatan atau halangan berbahasa yang boleh merencatkan proses penyampaian sesuatu maklumat kepada golongan sasaran. Kekuatan kajian ini dapat dilihat apabila pengkaji ini menonjolkan empat aspek kebahasaan berbeza yang menghalang kepada pemahaman ke atas teks berita dalam kalangan khalayak pembaca, iaitu perbezaan perbendaharaan kata bagi kedua-dua bahasa, kelainan penggunaan imbuhan, kelainan akronim dan kelainan kata pinjaman.

Kajian lepas yang seterusnya ialah artikel yang bertajuk *Aspek kelewahan dalam laporan akhbar atas talian* oleh Hamidah Abdul Wahab pada tahun 2012 yang diterbitkan dalam jurnal *Issues In Language Studies* oleh Universiti Malaysia Sarawak. Hasil tinjauan terhadap artikel ini mendapati bahawa pengkaji ini meneliti unsur kelewahan dalam penulisan kewartawanan yang perlu dielakkan bagi memberi pemahaman yang menyeluruh kepada pembaca. Kekuatan kajian ini terserlah apabila pengkaji ini telah mengenal pasti aspek kelewahan dalam laporan akhbar adalah seperti imbuhan, perkataan, frasa dan ayat, malah terdapat juga kelewahan dari segi pengulangan idea dalam penulisan kewartawanan malah pengkaji ini turut mencadangkan strategi bagi memartabatkan bahasa Melayu khususnya dalam penulisan kewartawanan.

Kajian lepas yang berikutnya pula ialah tesis PhD yang dijalankan oleh Nor Azuwan Yaakob pada tahun 2008 yang bertajuk *Penulisan kewartawanan Melayu: Kajian retorik terhadap kandungan akhbar Berita Harian (1957-1999)*. Tesis ini telah diterbitkan oleh Universiti Malaya yang membincangkan tentang bidang komunikasi yang berteraskan linguistik terapan dan dari segi mikronya. Hasil tinjauan mendapati bahawa pengkaji ini turut menjelaskan bahawa aspek retorik merupakan aspek penting bagi memastikan keberkesanan penyampaian maklumat kepada khalayak yang dinilai dalam tiga aspek, iaitu aspek leksikal (kata), sintaksis (ayat) dan juga wacana. Kekuatan kajian ini dapat dilihat apabila pengkaji ini mendapati bahawa penggunaan kata dalam akhbar Berita Harian (BH) memenuhi kekuatan retorik kewartawanan malah dari segi pembentukan ayat pula sebahagian besarnya telah menunjukkan bahawa ianya memenuhi ciri kesatuan gagasan dan sesetengahnya pula tidak menjejaskan keberkesanan penyampaian maklumat kepada pembaca.

Artikel Mohd Rajib Ab Ghani dan Faridah Ibrahim yang bertajuk *Objektiviti Bahasa dalam Kewartawanan* turut ditinjau. Artikel ini telah diterbitkan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1987 yang membincangkan tentang sejauhmanakah akhbar bersikap objektif dalam menjalankan fungsinya sebagai penyampai maklumat kepada khalayak dengan memberi penekanan kepada kaedah-kaedah kewartawanan seperti penggunaan bahasa. Hasil tinjauan terhadap kajian ini mendapati bahawa pengkaji ini meneliti aspek penggunaan bahasa dalam bidang kewartawanan bagi mengelakkan dari berlakunya kekeliruan dan kemungkinan salah bahasa dalam penulisan kewartawanan. Kekuatan kajian terserlah apabila pengkaji ini menjelaskan bahawa terdapat penulis yang mencipta ungkapan dan kata-katanya sendiri apabila menghadapi masalah untuk memilih diksi yang tepat bagi menggambarkan sesuatu situasi yang ingin dijelaskan namun kata-kata atau ungkapan tersebut didapati tidak membawa pengertian yang tepat terhadap perkara yang ingin disampaikan oleh penulis sehingga menimbulkan ambiguiti dalam sesebuah frasa.

Oleh itu, bahasa yang digunakan dalam penulisan rencana perlulah bersifat jelas, ringkas, dan mudah untuk difahami oleh golongan pembaca sasaran. Penggunaan kata atau pembentukan ayat yang kabur akan menyukarkan pembaca untuk memahami kandungan penulisan rencana dengan baik yang menyebabkan maklumat yang ingin disampaikan itu tidak berjalan dengan lancar.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah penganalisan data bagi menganalisis pendekatan yang digunakan dalam kajian ini, iaitu ciri bahasa penulisan kewartawanan. Ciri bahasa penulisan kewartawanan oleh Waterhouse (1989) telah dipilih untuk dijadikan pendekatan dalam kajian ini kerana pendekatan ini sangat luas dan sesuai untuk dibincangkan terutamanya dalam membincangkan tentang penggunaan bahasa dalam akhbar khususnya rencana yang perlu dijadikan panduan dalam kalangan penulis rencana untuk menghasilkan penulisan yang baik dan mudah difahami. Berikut merupakan 12 ciri bahasa penulisan kewartawanan yang disarankan oleh Waterhouse (1989) dalam bukunya, iaitu *Waterhouse on Newspaper Style*:

1. menggunakan kata yang khusus, bukan yang umum;
2. menggunakan kata yang konkrit, bukan yang abstrak;
3. menggunakan kata yang biasa, bukan kata tidak lazim;
4. menggunakan pernyataan secara positif, bukan secara nafi;
5. elakkan penggunaan kata yang emotif dan dramatik;
6. elakkan penggunaan perkataan yang berangkaian untuk menyatakan sesuatu maksud yang mudah;
7. elakkan penggunaan perkataan yang membawa makna yang sama;
8. elakkan penggunaan perkataan yang menunjukkan ketidakpastian;
9. elakkan penggunaan perkataan yang tidak jelas kuantitinya;
10. elakkan penerangan yang berlebihan;
11. menggunakan perkataan yang betul ejaan dan maknanya; dan
12. elakkan penggunaan perkataan yang jargon dan klise

Namun begitu, tidak kesemua ciri bahasa penulisan kewartawanan yang dikemukakan oleh Waterhouse (1989) akan dianalisis dalam kajian ini. Hal ini dikatakan demikian kerana, kajian ini hanya akan meneliti ciri-ciri bahasa penulisan kewartawanan yang dilihat lebih dominan dalam data yang dikaji, iaitu rencana akhbar Berita Harian (BH). Secara statistiknya, jumlah rencana yang dikaji adalah sebanyak 15 buah rencana. Oleh itu, kajian ini akan berpandukan ciri bahasa penulisan kewartawanan oleh Waterhouse bagi melihat keberkesanan penggunaan bahasa dalam rencana akhbar Berita Harian.

KEBERKESANAN PENGGUNAAN BAHASA DALAM RENCANA GENRE ILMIAH

Hasil dapatan kajian mendapati terdapat empat ciri penulisan kewartawanan oleh Waterhouse (1989) yang telah dikenal pasti dalam rencana ilmiah yang diterbitkan di dalam akhbar Berita Harian sepanjang bulan Ogos hingga Oktober 2020 yang akan dikaji, iaitu penggunaan kata tidak lazim, penerangan berlebihan, kesalahan ejaan, dan istilah jargon. Ciri-ciri tersebut merupakan ciri

penulisan kewartawanan yang dilihat lebih dominan dalam rencana ilmiah yang dikaji malahan rencana ilmiah yang dikaji ini tidak kesemuanya mematuhi ciri penulisan kewartawanan yang digariskan oleh Waterhouse. Oleh itu, kesemua ciri-ciri penulisan kewartawanan ini akan dikaji menerusi rencana ilmiah yang telah diklasifikasikan kepada tiga bahagian, iaitu politik, ekonomi, dan sosial bagi melihat keberkesanan penggunaan bahasa dalam penulisan rencana.

Penggunaan Kata Lazim dan Tidak Lazim

Waterhouse dalam bukunya, iaitu *Waterhouse on Newspaper Style* telah menggariskan ciri bahasa penulisan kewartawanan yang baik adalah menggunakan kata yang biasa dan mengelakkan penggunaan kata yang tidak lazim sifatnya. Menurut Nurhidayah (2006), kata yang lazim merujuk kepada penggunaan kata yang bersifat umum dan mudah difahami oleh masyarakat kerana kata yang bersifat umum ini digunakan secara meluas dalam kalangan masyarakat. Kata tidak lazim pula merujuk kepada kata-kata yang tidak digunakan secara meluas dalam kalangan masyarakat yang juga bersifat khusus dan hanya digunakan oleh golongan-golongan tertentu sahaja.

Terdapat empat rencana dalam akhbar Berita Harian (BH) yang telah dikenal pasti menggunakan kata yang tidak lazim di dalam penulisan rencana. Berikut merupakan contoh beberapa petikan yang menunjukkan penggunaan kata tidak lazim dalam rencana yang dianalisis.

“DALAM beberapa hari, kita akan menyambut dan meraikan 'Hari Merdeka' demi mengingati Malaysia mencapai kemerdekaan pada 1957 dengan damai, **solidariti** dan perpaduan.”

(Sumber: BH, *Guna 5 prinsip Rukun Negara laksana dasar negara*, 26 Ogos 2020)

Petikan tersebut merupakan rencana yang membincangkan tentang soal politik dalam negara kita, iaitu Malaysia. Petikan ini telah menunjukkan kata ‘solidariti’ telah digunakan bagi menerangkan konsep kebersamaan dan persaudaraan. Kata ‘solidariti’ ini sangat sinonim dengan isu politik malah kata ini merupakan kata tidak lazim. Oleh hal yang demikian, penulis rencana disarankan menggunakan kata yang biasa bersifat umum kerana isu yang dibangkitkan ini amat berat untuk dibincangkan malah terdapat segelintir lapisan masyarakat yang mempunyai tahap kefahaman yang rendah terhadap isu politik.

Selain itu, rencana bagi bidang ekonomi juga turut menggunakan kata yang tidak lazim sehingga pembaca sukar untuk memahami maksud dan idea penulis yang ingin disampaikan kepada khalayak. Contohnya;

“Apabila harga emas mencapai tahap tertinggi dan ditambah kebimbangan terhadap isu COVID-19, dijangka **inflasi** akan berlaku dan akan lebih banyak langkah rangsangan ekonomi yang membawa peningkatan kepada harga emas.”

(Sumber: BH, *Emas perhiasan penyimpanan lebih aliran tunai*, 21 Ogos 2020)

Petikan di atas jelas menunjukkan penggunaan kata tidak lazim, iaitu kata ‘inflasi’ yang memberi maksud suatu kenaikan dalam tingkat harga umum barangan dan perkhidmatan dalam sesebuah

ekonomi dari semasa ke semasa (James Tobin, 1972). Kata ini telah menyukarkan pembaca untuk memahami maksud yang ingin disampaikan oleh penulis. Umum mengetahui bahawa isu ekonomi perlu diteliti dan diperhalusi setiap konsep yang digunakan kerana isu ekonomi ini sangat penting untuk difahami oleh masyarakat. Tambahan pula, seluruh negara pada masa kini telah mengalami kepincangan ekonomi disebabkan virus yang melanda, iaitu Covid-19 sehingga seluruh lapisan masyarakat sedaya upaya berusaha untuk memperbaiki taraf ekonomi mereka. Oleh sebab itu, penulis perlu menggunakan kata yang biasa dan mengelakkan kata tidak lazim bagi meningkatkan keberkesanan dalam menyampaikan ilmu kepada khalayak.

Rencana sosial juga menggunakan kata yang tidak lazim walaupun rencana ini berkaitan dengan masyarakat sekeliling tanpa mengira lapisan umur. Contohnya;

“Negara lain sudah lama meraih **laba** dengan kewujudan universiti sukan seperti China, Korea, Japan, Taiwan, India dan Vietnam. Mereka menghasilkan atlet universiti yang mempamerkan keputusan cemerlang pada peringkat tinggi seperti Sukan Olimpik, Kejohanan Dunia dan Sukan Asia.”

(Sumber: BH, *Universiti sukan jadi impian atlet*, 2 September 2020)

Berdasarkan petikan di atas, penulis rencana ini telah menggunakan kata tidak lazim, iaitu ‘laba’ yang bermaksud keuntungan. Kata ‘laba’ ini agak sukar untuk difahami oleh pembaca kerana kata ini jarang digunakan dalam komunikasi harian sama ada formal atau tidak formal. Oleh sebab itu, penulis perlu memikirkan tahap kefahaman pembaca ketika menulis sesebuah rencana agar tidak menimbulkan kekeliruan ketika membaca rencana tersebut.

Secara keseluruhannya, hasil analisis mendapati kebanyakan penulis gemar menggunakan kata tidak lazim yang berkemungkinan untuk menghasilkan sebuah ayat yang gramatis apabila menggunakan bahasa ‘tinggi’. Namun begitu, penggunaan kata tidak lazim dalam penulisan rencana menyukarkan pembaca untuk memahami setiap kandungan dan idea dalam rencana dengan lebih jelas dan tepat. Mohd Rajib dan Faridah (1987) telah berpendapat bahawa penulis yang menulis sesebuah penulisan kewartawanan tidak boleh menggunakan ungkapan atau kata-kata yang sukar difahami oleh pembaca yang bertujuan untuk mengelakkan berlakunya kekeliruan dan kemungkinan berlakunya penyalahgunaan bahasa dalam penulisan kewartawanan. Oleh hal yang demikian, perkataan yang biasa digunakan oleh masyarakat perlu diberi penekanan dalam penulisan rencana agar kandungan rencana lebih mudah untuk difahami. Ini tidak bermakna yang penulis tidak boleh menggunakan kata tidak lazim sama sekali. Penulis boleh menggunakan kata tidak lazim tetapi maksud kata tidak lazim itu perlu dijelaskan dan pastikan penggunaannya bersesuaian dengan ayat yang digunakan.

Penggunaan Penerangan Berlebihan dan Penerangan Ringkas

Waterhouse telah menyarankan penulisan kewartawanan adalah bercirikan ayat yang singkat dan mengelakkan penerangan yang berlebih-lebihan. Malahan, Baker-Woods *et al.* (1977) turut menyatakan bahawa panjang sesuatu ayat adalah tidak melebihi 30 patah perkataan dan ayat yang melebihi jumlah kata tersebut akan menjadikan ayat tersebut sebagai suatu ayat yang kompleks dan

menimbulkan ambiguiti. Penggunaan ayat yang singkat dan ringkas akan memberikan keberkesanan terhadap penyampaian idea penulis kepada pembaca. Berikut merupakan beberapa contoh yang menunjukkan ciri ini, antaranya;

“**Hukum syarak** ialah undang-undang Islam, termasuk menyentuh mal (harta), jenayah dan prinsip perundangannya. Undang-undang Islam ialah undang-undang bertulis di Tanah Melayu, bukan sahaja wujud sejak Kesultanan Melayu Melaka, bahkan lebih awal lagi misalnya Batu Bersurat Terengganu serta Undang-Undang Kedah.”

(Sumber: BH, *Undang-undang sebelum Hari Merdeka diiktiraf Perlembagaan*, 17 Ogos 2020)

Berdasarkan petikan di atas yang merupakan rencana dalam bahagian politik, penulis rencana ini mengambil langkah yang bijak dalam menghuraikan tentang undang-undang Islam dengan ringkas dan padat. Malahan, penulis ini tidak menghuraikan dengan penerangan yang berlebihan berkaitan hukum syarak tetapi hanya memberi penerangan secara umum dan jelas bagi memberikan pengetahuan kepada pembaca berkaitan idea yang ingin disampaikan. Oleh itu, dapat dilihat bahawa penulisan rencana khususnya dalam bidang politik perlu dijelaskan dengan ringkas tetapi padat isinya yang bertujuan untuk mengelakkan ketaksaan makna.

Selain itu, penerangan yang berlebihan khususnya dalam bidang ekonomi sangat tidak membantu pembaca dalam memahami konteks ayat dan juga maksud yang ingin disampaikan oleh penulis. Hal ini demikian kerana, bidang ekonomi adalah sangat rumit untuk dibicarakan dengan berlebih-lebihan jika pembaca tidak mempunyai ilmu asas dalam bidang ekonomi. Malah, ia juga turut menimbulkan keliruan disebabkan kelewahan ayat yang digunakan oleh penulis. Contohnya;

“**Belanjawan** adalah rancangan perbelanjaan kerajaan yang membolehkan penerimaan wang, cukai serta duti lain yang mana wang itu bakal digunakan dalam projek dan program pembangunan rakyat.”

(Sumber: BH, *Belanjawan 2021 ambil kira pemulihan impak pandemik*, 6 Oktober 2020)

Berdasarkan petikan di atas, penulis rencana ini membicarakan tentang belanjawan negara Malaysia yang perlu difahami oleh masyarakat. Jika dilihat dalam petikan tersebut, penulis ini menjelaskan konsep belanjawan dengan menggunakan ayat yang ringkas agar mudah difahami oleh masyarakat. Penggunaan ayat yang digunakan oleh penulis ini juga dilihat bersesuaian dengan semua lapisan masyarakat kerana perkataan yang digunakan itu merupakan bahasa ‘sederhana’ yang tidak menyukarkan pembaca untuk memahami konteks ayat tersebut.

Seterusnya, ciri penulisan kewartawanan ini turut dapat dilihat dalam rencana sosial. Buktinya;

“**Ammonium nitrat** biasanya digunakan sebagai baja untuk pertanian dan bahan utama letupan untuk industri perlombongan.”

(Sumber: BH, *Waspada risiko bahan kimia elak tragedi Beirut berulang*, 7 September 2020)

Berdasarkan petikan di atas, penulis ini membincangkan tentang bahan kimia, iaitu ammonium nitrat yang perlu difahami oleh masyarakat tentang kesan penggunaan ammonium nitrat dalam kehidupan. Penerangan berkaitan bahan kimia ini dilihat sangat sempurna kerana penulis mengambil fakta dan menghuraikannya secara ringkas tentang fungsi atau kegunaan bahan kimia ini tanpa memerlukan penjelasan yang terlalu panjang. Malahan, penggunaan kata yang ringkas menjadi faktor keberkesanan dalam penyampaian idea penulis kepada pembaca.

Secara keseluruhannya, kebolehan untuk menghasilkan ayat yang sempurna, ringkas dan padat dalam sesuatu penulisan adalah amat penting. Hasil analisis mendapati hampir kesemua penulis mengelakkan penggunaan ayat yang berlebihan dalam penulisan rencana. Paimah Atoma (2004) berpendapat bahawa, penggunaan ayat yang mengandungi deretan fakta, tergantung, tidak mantap dan dikupas dengan tidak sempurna akan menyukarkan pembaca untuk menghayati ayat tersebut. Oleh hal yang demikian, penulis perlu mengelakkan penerangan ayat yang berlebih-lebihan dan menitikberatkan penggunaan ayat yang singkat dalam pembentukan sesuatu ayat seperti yang disarankan oleh Waterhouse (1989) malah tahap pemahaman pembaca juga perlu difokuskan oleh penulis bagi meningkatkan keberkesanan penyampaian dalam penulisan khususnya rencana.

Penggunaan Perkataan yang Betul Ejaan dan Maknanya

Ciri penulisan kewartawanan yang seterusnya adalah penggunaan perkataan yang betul ejaan dan maknanya. Ciri ini sangat penting kerana penggunaan kata yang ejaan yang salah akan mengelirukan pembaca untuk memahami maksud yang ingin disampaikan oleh pembaca malah makna kata tersebut juga tidak menunjukkan maksud yang ingin disampaikan. Waterhouse (1989) turut menyarankan penulis untuk memastikan setiap perkataan yang dieja adalah betul untuk mengelakkan kekeliruan. Nor Azuwan (2008) berpendapat bahawa aspek ejaan dalam penulisan kewartawanan perlulah berasaskan sistem yang telah dikodifikasikan serta digunakan dalam pelbagai bidang. Manakala Paimah (2004) menjelaskan bahawa kesalahan ejaan dalam sesuatu bentuk penulisan akan mengganggu kelancaran pembaca untuk memahami fakta-fakta dengan baik. Hasil analisis mendapati bahawa kesalahan ejaan bagi akhbar Berita Harian banyak berlaku dalam rencana bidang ekonomi dan sosial. Berikut merupakan antara contoh petikan yang mempunyai perkataan yang dieja salah dalam penulisan rencana Berita Harian.

“RM200 masing-masing adalah untuk **infaq**, simpanan dan labur, RM600 untuk keperluan asas dan RM800 untuk keperluan harian.”

(Sumber: BH, *ISLAH panduan urus kewangan*, 3 September 2020)

Berdasarkan petikan di atas, terdapat satu kesalahan ejaan, iaitu perkataan ‘infaq’ yang sepatutnya dieja infak. Infak bermaksud berasal dari kata anfaqa yang bermaksud mengeluarkan sesuatu harta untuk kepentingan sesuatu. Dalam penulisan tersebut, penulis mungkin keliru akan ejaan infak kerana penulis menggunakan huruf [q] sedangkan infak dieja berakhir dengan huruf [k] seperti mana yang terdapat dalam Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka. Namun begitu, bunyi perkataan tersebut masih dikira sama dan pembaca mungkin akan memahami perkataan tersebut walaupun ejaannya salah.

Selain itu, kesalahan ejaan dalam penulisan rencana juga dapat dilihat dalam rencana sosial yang dilihat banyak mengetepikan soal ejaan. Contohnya;

“Sifat 'synchronous' atau 'segerak' media sosial ini menyediakan medium **rinteraksi** secara terus di alam maya. Di sinilah ramai kurang sedar apa yang ditulis menjadi bacaan ramai pengguna media sosial itu.”

(Sumber: BH, *SMS, WeChat cemari bahasa Melayu era teknologi*, 2 Oktober 2020)

Berdasarkan petikan tersebut, penulis rencana ini dilihat menggunakan perkataan yang mempunyai ejaan yang salah, iaitu perkataan ‘rinteraksi’. Jika dikaji, perkataan ‘rinteraksi’ ini tidak mempunyai maksud malah perkataan ini tidak terkandung dalam mana-mana kamus. Penulis sepatutnya menggunakan perkataan ‘interaksi’ yang bermaksud tindakan atau perhubungan aktif antara satu sama lain yang secara tidak langsung akan memudahkan pembaca memahami perkataan tersebut. Hal ini telah memberi kekeliruan kepada pembaca dalam memahami maksud yang ingin disampaikan oleh penulis. Oleh sebab itu, penulis perlu menyemak terlebih dahulu ayat dan perkataan yang digunakan dalam penulisan rencana untuk mengelakkan berlakunya kesalahan ejaan sehingga memberi kesan ambiguiti.

“Sudah pasti mana-mana individu bergelar pensyarah menjalankan tugas mereka dengan mendidik dan membentuk pelajar supaya anak didik menjadi manusia **berketrampilan**, berperibadi unggul serta menjadi pewaris kepimpinan negara.”

(Sumber: BH, *Hargai jasa, pengorbanan pensyarah*, 6 Oktober 2020)

Petikan di atas ini pula turut menunjukkan penggunaan kata yang mempunyai kesalahan ejaan. Penulis rencana ini telah menggunakan perkataan ‘berketrampilan’ yang dilihat dieja dengan salah sebaliknya ejaan kata tersebut adalah ‘berketerampilan’ yang bermaksud sesuatu yang bersifat cekap dalam melakukan sesuatu. Penggunaan kata dengan ejaan yang salah telah memberikan kata tersebut makna yang berbeza atau tidak mempunyai sebarang makna sehingga penyampaian idea oleh penulis kepada pembaca adalah tidak berkesan. Oleh sebab itu, penulis sepatutnya memastikan ejaan kata tersebut adalah betul sebelum menerbitkan sesuatu manuskrip atau penulisan.

Rumusannya, kesalahan ejaan ini mungkin berpunca daripada kurangnya pengetahuan penulis terhadap ilmu tatabahasa atau kekeliruan terhadap cara mengeja sesebuah perkataan seperti kata majmuk yang menerima imbuhan awalan dan juga apitan. Kemungkinan juga kesalahan ini dilakukan tanpa disedari di mana penulis terlepas pandang. Apabila terlalu kerap berlakunya kesalahan ejaan dalam penulisan yang dihasilkan, pembaca akan menerimanya sebagai satu ejaan yang betul kerana pembaca akan menganggap hal tersebut sebagai suatu kelaziman. Malah, pembaca turut akan terpengaruh dengan apa yang dilihat atau dibaca sehingga pembaca turut melakukan hal yang sama. Hal ini secara tidak langsung akan memusnahkan kegramatisan bahasa Melayu dalam penulisan yang dihasilkan malah turut merosakkan sistem tatabahasa. Oleh hal yang demikian, penulis disarankan untuk melakukan beberapa kali proses pengeditan sebelum rencana yang dihasilkan diterbitkan untuk tatapan pembaca.

Penggunaan Perkataan Jargon dan Klise

Ciri penulisan kewartawanan yang terakhir adalah mengelakkan penggunaan perkataan jargon atau klise. Menurut Roosfa Hashim (2011), istilah jargon merujuk kepada penggunaan istilah khusus dan teknikal dalam bidang tertentu tetapi tidak digunakan dan difahami secara meluas oleh kebanyakan masyarakat. Istilah jargon khususnya digunakan oleh ahli-ahli dalam bidang tertentu yang khusus dalam membicarakan istilah tersebut dan hanya ahli tersebut sahaja menggunakan dan memahami perkataan itu. Analisis data kajian mendapati bahawa sebanyak tiga rencana yang menggunakan istilah jargon dalam rencana akhbar Berita Harian bidang politik, ekonomi, dan juga sosial. Berikut merupakan antara contoh petikan rencana yang mempunyai penggunaan jargon dalam penulisan rencana Berita Harian.

“Politik juga bukan hanya ungkapan yang berkaitan dengan soal pentadbiran kerajaan sahaja, meskipun selalunya sektor itu dinamakan politik organisasi atau politik **birokrasi** dan dalam Islam dipanggil siyasah.”

(Sumber: BH, *'Tidak berpolitik' bawa keburukan kepada negara*, 7 Oktober 2020)

Berdasarkan petikan di atas, terdapat satu perkataan jargon yang digunakan dalam penulisan rencana politik, iaitu perkataan ‘birokrasi’. Menurut *Kamus Pelajar Edisi Kedua*, perkataan ‘birokrasi’ ini bermaksud sistem pemerintahan yang dijalankan oleh pegawai-pegawai yang tidak dipilih oleh rakyat. Dengan kata lain, birokrasi dimaksudkan sebagai sebuah konsep sosiologi dan sains politik yang merujuk kepada kaedah sesebuah pentadbiran melaksanakan dan menguatkuasakan sesuatu peraturan-peraturan yang sah secara sosial seperti pengurusan birokrasi-birokrasi harian termasuk kerajaan, angkatan bersenjata, perbadanan, hospital, mahkamah, kementerian, dan sekolah. Penggunaan kata ‘birokrasi’ ini merupakan istilah jargon kerana perkataan ini kebiasaannya digunakan oleh orang yang mahir dan bijak dalam membahaskan soal politik. Malahan, istilah tersebut perlu diberi penerangan dengan lebih lanjut untuk memberi kefahaman kepada pembaca. Hal ini demikian kerana, tidak kesemua masyarakat memahami istilah-istilah khusus terutamanya dalam bidang politik.

Seterusnya, penggunaan istilah jargon turut dilihat dalam rencana ekonomi yang menggunakan istilah khusus dalam bidang ekonomi. Contohnya;

“Sabam tahun belanjawan diadakan sekali dan merangkumi satu tahun **fiskal** bermula 15 Januari tahun semasa sehinggalah 15 Januari tahun berikutnya.”

(Sumber: BH, *Belanjawan 2021 ambil kira pemulihan impak pandemik*, 6 Oktober 2020)

Berdasarkan petikan rencana di atas, terdapat satu penggunaan kata jargon, iaitu perkataan ‘fiskal’. Perkataan ini akan menimbulkan kekeliruan kepada pembaca kerana pembaca akan beranggapan bahawa penulis ingin mengatakan tentang fizikal tetapi perkataan tersebut dieja dengan salah. Namun begitu, perkataan ‘fiskal’ ini mempunyai maksud yang tersendiri khususnya dalam bidang ekonomi. Fiskal ini merujuk kepada kewangan atau belanjawan dan kebiasaannya perkataan fiskal ini dikaitkan dengan tahun kewangan yang merupakan suatu tempoh yang

digunakan bagi menghitung penyata kewangan tahunan dalam bidang perniagaan dan organisasi yang lain. Oleh itu, para penulis perlu memfokuskan kepada tahap pemahaman pembaca ketika menggunakan sesuatu perkara yang sukar untuk difahami oleh pembaca. Berikutnya pula contoh istilah jargon yang digunakan dalam rencana sosial;

“**Spoofing** adalah teknik di mana pemanggil berkomunikasi menggunakan platform Suara Melalui Protokol Internet (VoIP) bagi membolehkan pemanggil meletakkan sebarang nombor telefon untuk memperdaya penerima kononnya pemanggil adalah daripada nombor telefon yang tertera pada skrin telefon.”

(Sumber: BH, *Jangan mudah terjerat helah Macau Scam*, 11 Oktober 2020)

Berdasarkan petikan di atas, penulis menggunakan kata jargon, iaitu perkataan ‘spoofing’ yang merupakan kata pinjaman dari bahasa Inggeris dan perkataan ini digunakan dalam bidang Teknologi Maklumat dan Komunikasi. Perkataan ‘spoofing’ merujuk kepada salah satu jenayah di alam maya yang bermotifkan untuk mendapatkan maklumat peribadi seseorang ataupun organisasi. Jika dilihat dalam petikan tersebut, hasil penelitian mendapati bahawa penulis ini telah memberi definisi terhadap penggunaan istilah jargon yang digunakan dan ini merupakan satu kelebihan yang digunakan oleh penulis yang dilihat sangat menitik beratkan akan kefahaman pembaca. Ini jelas menunjukkan yang penggunaan istilah jargon tidak dapat dielakkan di dalam penulisan rencana ilmiah, namun begitu, tindakan penulis mengemukakan definisi atau penjelasan yang sewajarnya berkaitan istilah tersebut dapat membantu pembaca.

Kesimpulannya, penggunaan istilah jargon yang disertai dengan definisi atau penjelasan tertentu akan memudahkan pembaca untuk memahami kandungan rencana dengan lebih baik. Oleh hal yang demikian, penulis perlu memainkan peranan dan merancang strategi yang baik dengan menggunakan kata yang diketahui umum dan jika penulis menggunakan istilah jargon, penulis disarankan untuk mengemukakan definisi atau penjelasan yang sewajarnya berkaitan istilah tersebut. Dalam pada itu, satu hakikat yang penulis perlu sedar bahawa bahasa Melayu telah mengalami perkembangan yang pesat dalam proses penciptaan istilah bagi memenuhi keperluan dan kehendak semasa dan penguasaan terhadap istilah baru amat digalakkan tetapi perlu mengikut kesesuaiannya. Walaupun penggunaan istilah jargon ini agak sukar untuk dielakkan, penulis perlu berusaha untuk mencari padanan sinonim yang sewajarnya dalam bahasa Melayu terhadap istilah yang digunakan.

KESIMPULAN

Berdasarkan analisis kajian yang telah dilakukan, terdapat beberapa hasil penemuan terhadap aspek keberkesanan penggunaan bahasa dalam rencana ilmiah melalui ciri penulisan kewartawanan oleh Waterhouse, iaitu dari segi penggunaan kata tidak lazim, penerangan berlebihan, kesalahan ejaan, dan penggunaan istilah jargon.

Secara keseluruhannya, hasil kajian mendapati bahawa keberkesanan penggunaan bahasa dalam penulisan rencana ilmiah yang diterbitkan oleh akhbar Berita Harian ditentukan oleh pemilihan perkataan yang tepat, mudah difahami, dan berpengaruh malah pembentukan ayat yang ringkas dan jelas serta mengandungi penerangan yang sewajarnya turut menjadi faktor keberkesanan penyampaian bahasa tersebut. Hal ini amat penting bagi memastikan tahap pengetahuan terhadap sesuatu perkara dan kelancaran pembacaan dalam kalangan pembaca dapat dipertingkatkan. Sharil Nizam Sha'ri (2010) turut berpendapat bahawa, penggunaan bahasa yang tepat, standard, dan segar akan menghasilkan penulisan yang berpengaruh, diminati, dan sukar dilupakan oleh pembaca.

Selain itu, ciri penulisan kewartawanan dari segi penggunaan kata tidak lazim dalam penulisan rencana mendapati bahawa kebanyakan penulis masih menggunakan kata tidak lazim yang berkemungkinan untuk menghasilkan sebuah ayat yang gramatis apabila menggunakan bahasa 'tinggi'. Namun begitu, penggunaan kata tidak lazim tersebut akan menyukarkan pembaca untuk memahami setiap kandungan dan idea dalam rencana dengan lebih jelas dan tepat. Oleh hal yang demikian, perkataan yang biasa digunakan oleh masyarakat perlu digunakan dalam penulisan rencana agar kandungan rencana lebih mudah untuk difahami.

Seterusnya, ciri penulisan kewartawanan dari segi penerangan berlebihan pula dapat dirumuskan bahawa hampir kesemua penulis mengelakkan penggunaan ayat yang berlebihan dalam penulisan rencana. Hal ini sangat bertepatan dengan pendapat dari Paimah Atoma (2004) yang mengatakan bahawa penggunaan ayat yang mengandungi deretan fakta, tergantung, tidak mantap dan dikupas dengan tidak sempurna akan menyukarkan pembaca untuk menghayati ayat tersebut. Oleh hal yang demikian, penulis perlu mengelakkan penerangan ayat yang berlebih-lebihan dan menitikberatkan penggunaan ayat yang singkat dalam pembentukan sesuatu ayat seperti yang disarankan oleh Waterhouse (1989).

Ciri penulisan kewartawanan dari segi kesalahan ejaan pula mendapati bahawa hanya segelintir penulis yang mengabaikan penggunaan kata yang betul ejaannya. Hal ini demikian kerana, penulis berkemungkinan terlepas pandang atau tidak menyemak semula manuskrip yang dihasilkan sebelum diterbitkan. Hal ini secara tidak langsung akan memusnahkan kegramatisan bahasa Melayu dalam penulisan yang dihasilkan malah turut merosakkan sistem tatabahasa apabila pembaca turut tidak mengendahkan tentang kesalahan ejaan tersebut dan menganggap ia sebagai suatu kelaziman. Oleh hal yang demikian, penulis disarankan untuk melakukan beberapa kali proses pengeditan sebelum rencana yang dihasilkan diterbitkan untuk tatapan pembaca.

Manakala ciri penulisan kewartawanan dari segi penggunaan istilah jargon dapat dirumuskan bahawa kebanyakan penulis masih menggunakan istilah jargon malah ia dilihat sebagai suatu tindakan yang bijak daripada penulis yang mencuba untuk meningkatkan perbendaharaan kata dalam kalangan pembaca, di samping untuk menyebarkan perkembangan bahasa Melayu. Oleh hal yang demikian, penulis perlu memainkan peranan dan merancang strategi yang baik dengan menggunakan kata yang diketahui umum dan jika penulis menggunakan istilah jargon, penulis disarankan untuk mengemukakan definisi atau penjelasan yang sewajarnya berkaitan istilah tersebut.

Kesimpulannya, dapat disimpulkan bahawa semakin mudah sifat bahasa yang digunakan, semakin tinggi tahap literasi untuk dicapai oleh pembaca. Hal ini demikian kerana, tahap pemahaman masyarakat adalah berbeza dan penulis perlu menghasilkan sebuah penulisan yang lebih

bersifat umum dan mudah untuk difahami. Malahan, ia juga merupakan salah satu ushaa untuk menggalakkan masyarakat untuk sama-sama meningkatkan kewibawaan bahasa terutamanya bahasa Melayu. Oleh itu, diharapkan agar kajian ini dapat menjadi panduan kepada penulis rencana dalam menghasilkan rencana yang mempunyai kualiti yang baik dan dapat disampaikan dengan lebih berkesan.

RUJUKAN

- Abd Rahman Tamuri. 7 September, 2020. Waspada Risiko Bahan Kimia Elak Tragedi Beirut Berulang. *Berita Harian*.
- Arba'ie Sujud. 2010. *Perpaduan Masyarakat dalam Genre Sastera dari Perspektif Sosiostilistik*. In Mohd Sharifudin Yusof, Arba'ie Sujud & Zaitul Azma Zainon Hamzah (Eds.). *Penyelidikan Linguistik Bahasa dan Budaya: Pemupukan Perpaduan* (pp. 402- 411). Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Azean Idruwani Idrus & Zaitul Azma Zainon Hamzah. 2011. *Analisis Kesilapan dalam Laporan Media: Morfologi dan Sintaksis*. In. Kamariah Kamaruddin, Arba'ie Sujud, Zaitul Azma Zainon Hamzah & Samsina Abdul Rahman (Eds.). *Kelestarian Bahasa: Satu Rumpun Satu Ikatan*. (pp.18-31). Serdang: Penerbit UPM.
- Baker-Woods G., Dodd J. E., Ford K., et al. 1997. *Mass Media Writing: An Introduction*. Arizona: Gorsuch Scarisbrick.
- Faridah Ibrahim, Normah Mustaffa & Mohd Rajib Ab. Ghani. 2016. *Penulisan Media Massa*. Kangar: Penerbit UniMAP.
- Hadina Habil. 2 Oktober, 2020. SMS, WeChat Cemari Bahasa Melayu Era Teknologi. *Berita Harian*.
- Hamidah Abdul Wahab. 2012. Aspek Kelewahan dalam Laporan Akhbar Atas Talian. *Issues in Languages Studies*. 1(2): 24-31.
- Illias Zaidi. 2010. *Interlok Karya Sarat Dengan Mesej Perpaduan, Ilmu Pengetahuan*. Diakses daripada www.bharian.com.my.
- James Tobin. 1972. Inflation and Unemployment. *American Economic Review*. 62(1): 1-18.
- Jeniri Amir. 2005. *Dari Budaya ke Media: Mengangkat Suara Pinggiran di Sarawak*. Kota Samarahan: The Sarawak Press Sdn. Bhd.
- Kamus Dewan*. 2002. Edisi Ketiga ed. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan*. 2010. Keempat ed. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Kesusasteraan*. 2015. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Pelajar*. 2016. Edisi Kedua ed. Kuala Lumpur: Dewam Bahasa dan Pustaka.
- Kartini Abd. Wahab & Zulkifley Hamid. 2015. Hambatan Memahami Bahasa: Satu Penelitian ke Atas Teks Berita dalam Talian Berbahasa Indonesia, Tempo.Co. *Jurnal Komunikasi*. 31(2): 493-514.
- Lee Lam Thye. 26 Ogos, 2020. Guna 5 Prinsip Rukun Negara Laksana Dasar Negara. *Berita Harian*.
- Mior Kamarul Shahid. 2015. *Bahasa: Sejauh Manakah Media Peduli? Dewan Bahasa*. 15(3): 8-10.

- Mohd Rajib Ab Ghani & Faridah Ibrahim. 1987. Objektiviti Bahasa dalam Kewartawanan. *Jurnal Komunikasi*. 3(1): 13-25.
- Mon Redee Sut Txi. 2 September, 2020. Universiti Sukan Jadi Impian Atlet. *Berita Harian*.
- Nasrudin Mohammed. 7 Oktober, 2020. 'Tidak Berpolitik' Bawa Keburukan Kepada Negara. *Berita Harian*.
- Nik Nur Shafika Mustafa. 21 Ogos, 2020. Emas Perhiasan Penyimpan Lebih Aliran Tunai. *Berita Harian*.
- Nor Azuwan Yaakob. 2008. *Penulisan kewartawanan Melayu: Kajian Retorik Terhadap Kandungan Akhbar Berita Harian (1957-1999)*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya.
- Nurhidayah. 2006. *Bahasa Indonesia Dalam Karya Ilmiah*. Yogyakarta: FBS Universitas Negeri Yogyakarta.
- Paimah Atoma. 2004. Gaya Persembahan dan Kemahiran Penulisan. *Jurnal Kemanusiaan*. 2(1): 18-26.
- Raja Adzrin Raja Ahmad. 3 September, 2020. ISLAH Panduan Urus Kewangan. *Berita Harian*.
- Roosfa Hashim. 2011. *Daripada Tesis kepada Buku*. Serdang: Penerbit UPM.
- Sharil Nizam Sha'ri. 2010. *Aplikasi Teori dan Format Penyuntingan Bahan Linear dalam Surat Khabar Bahasa Melayu*. Disertasi Doktor Falsafah, Universiti Putra Malaysia.
- Sharil Nizam Sha'ri & Mohd Hazreen Shah Hassan. 2016. Bahasa dan Berita Akhbar Tribun Putra dalam Perkongsian Maklumat Warga Kampus di Universiti Putra Malaysia. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan (PASAK)*, Kolej Universiti Islam Selangor (KUIM).
- Suhana Mohamed. 6 Oktober, 2020. Hargai Jasa, Pengorbanan Pensyarah. *Berita Harian*.
- Suhana Mohamed. 11 Oktober, 2020. Jangan Mudah Terjerat Helah Macau Scam. *Berita Harian*.
- Wan Ahmad Fauzi Wan Husain. 17 Ogos, 2020. Undang-Undang Sebelum Hari Merdeka Diiktiraf Perlembagaan. *Berita Harian*.
- Waterhouse, K. 1989. *Waterhouse on Newspaper Style*. London: Penguin.